

NILAI ISLAM DALAM TEKS MISA MELAYU
THE ISLAMIC VALUES IN TEXT OF MISA MELAYU

*Kasmaizun Enuni Binti Mohd Sarji**

Kamariah Binti Kamarudin

Universiti Putra Malaysia

Serdang, Selangor, Malaysia.

*Kasmaizunenuni90@gmail.com

ABSTRAK

Nilai Islam amat penting untuk diterapkan dalam diri setiap manusia yang beragama Islam supaya manusia akan sentiasa berada di landasan yang benar iaitu jalan yang diredai oleh Allah SWT. Justeru, Raja Chulan menerusi hikayatnya iaitu Misa Melayu telah memaparkan nilai Islam supaya dapat dijadikan panduan dan pengajaran dalam kehidupan manusia. Oleh hal yang demikian, satu kajian dijalankan untuk mengenalpasti dan menganalisis nilai Islam dalam hikayat Misa Melayu dengan mengaplikasikan teori Takmilah. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Dapatan kajian menemui aspek penting dalam kerangka pemikiran keagamaan iaitu akidah, ibadah dan akhlak. Dari aspek akidah, ditemui satu nilai iaitu kepercayaan kepada Qada' dan Qadar. Di samping akidah, pemikiran ibadat seperti menunaikan solat lima waktu, doa dan khutbah serta pemikiran akhlak iaitu sedekah, menghormati golongan yang lebih tua dan adil turut ditemui. Kesemua aspek nilai Islam yang ditemui ini telah dianalisis menggunakan teori Takmilah dan memenuhi kesemua prinsip yang menunjukkan bahawa hikayat ini merupakan hikayat yang berunsur Islam yang berlandaskan kepada ketauhidan kepada Allah SWT.

Kata kunci: Nilai Islam; akidah; ibadah; akhlak; Misa *Melayu*.

ABSTRACT

Islamic value is very important to be applied in every human being who have the faith in Islam as they should always to be in the right path and blessed by Allah SWT. Thus, Raja Chulan through its tale namely Misa Melayu is explained that the Islamic thought can be serve as a guidance and instruction in human lives. Hence, a study is carried out to identify and analysis of the Islamic value in Misa Melayu by applying the theory of "Takmilah". The methodologies of this study are using the literature and text analysis methods. The findings from the analysis shows that the significant aspects in the framework of religious thinking are creed, worship and morals. From the aspects of creed, on of the thought of creed has been found is belief in Qada' and Qadar. Besides that, the pray, dua (supplication) and sermon have been found in the thought of worship while the charity, respect for older and fair have been found in the thought of morals. All aspects of Islamic values are found have been analyses using the "Takmilah" theory and have fulfill all the principles with shows that this tales constitutes of the element of Islam based on the monotheism to Allah SWT.

Keywords: Islamic value; creed; worship; morals; Misa Melayu

PENGENALAN

Islam merupakan sebuah agama lengkap yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad saw untuk membimbing manusia ke jalan yang benar. Perihal tentang Islam ini dapat dilihat di dalam surah Al-Imran ayat ke-19 yang bermaksud:

"Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam. Tiada berselisih orang yang telah diberi al-Kitab kecuali setelah datang pengetahuan kepada mereka kerana kedengkian (yang ada) di antara mereka. Barang siapa yang kufur terhadap ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah sangat cepat perhitungan-Nya." (Al-Imran: 52)

Menerusi ayat tersebut, jelas membuktikan bahawa agama Islam merupakan agama yang diterima, dibenarkan dan diredai oleh Allah SWT. Justeru, banyak kebaikan di dalam Islam yang perlu diteliti, dinilai dan diambil untuk dijadikan sebagai pegangan, anutan dan prinsip hidup untuk mengekalkan jati diri dan keyakinan seseorang terhadap agama Allah SWT. Hal ini juga berupaya menjadikan seseorang manusia itu menjadi hamba yang sentiasa patuh pada setiap suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Menurut Mohd Nakhaie Ahmad dalam bukunya *Di Bawah Naungan Islam* menyatakan bahawa “Islam ialah agama yang memandu dan mengajar serta mengajak manusia tunduk patuh kepada Allah, taat kepada ajaran-Nya dan patuh kepada hukum dan peraturan agama-Nya yang dibawa oleh Nabi dan Rasul yang diutus kepada manusia” (1998: 56). Selain itu, Islam juga merupakan satu agama yang membawa perkara pokok iaitu akidah untuk menjadikan manusia sentiasa berpegang teguh kepada penciptanya. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada pendapat tersebut, dapat dirumuskan bahawa Islam merupakan agama yang benar dan perlu diterapkan dalam diri manusia supaya sentiasa yakin wujudnya Allah Yang Maha Esa yang mencipta seluruh isi alam di bumi mahupun di langit. Justeru, kajian ini berupaya mencungkil konsep akidah dan konsep lain yang melingkunginya seperti ibadah dan akhlak supaya dapat dijadikan panduan dan pengajaran kepada manusia untuk sentiasa terus tunduk dan patuh kepada suruhan Allah SWT.

Di samping itu, antara kebaikan di dalam agama Islam termasuklah tingkah laku manusia yang membawa kepada nilai-nilai yang baik untuk dijadikan sebagai panduan, pedoman dan pengajaran untuk membentuk sebuah masyarakat yang harmoni dan berpegang teguh kepada ajaran Islam. Tingkah laku ini lahir dari sikap manusia itu sendiri yang mempunyai keimanan yang tinggi kepada Allah SWT. Hal ini demikian kerana, iman amat penting untuk melahirkan nilai-nilai Islam yang baik seterusnya mampu memberikan faedah dan kepentingan dalam kehidupan manusia. Oleh hal yang demikian, untuk menghasilkan sesebuah karya sastera yang bernilai dan bermutu tinggi, seseorang

pengkarya perlu mempunyai pemikiran yang luas dan mempunyai tahap ilmu yang tinggi terutamanya bersangkutan dengan hal-hal keagamaan.

Menurut *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2014: 1081) menyatakan bahawa nilai merupakan darjat, kualiti, mutu, taraf, sifat ketinggian pemikiran, agama, kemasyarakatan dan lain-lain. Manakala, *Kamus Umum Bahasa Indonesia* (1989: 976) pula menyatakan bahawa nilai adalah sifat-sifat penting atau hal-hal yang penting atau berguna bagi kemanusiaan. Justeru, dapat difahami bahawa nilai merupakan suatu yang berharga dan mempunyai peranan yang penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat yang berpegang teguh kepada agama dan sebagainya.

Setiap manusia yang dijadikan oleh Allah SWT memainkan peranan yang sangat penting dalam memartabatkan dan mengukuhkan agama Islam di mata dunia. Hal ini menuntut manusia supaya sentiasa menjadi khalifah Allah SWT yang berguna untuk menyebarkan agama Islam. Sehubungan dengan perkara tersebut, raja dikatakan memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan agama Islam untuk menjadi teladan dan ikutan rakyat di bawah naungannya. Menerusi teks Misa Melayu misalnya, ia memperlihatkan tentang sistem pemerintahan yang berlaku pada zaman kesultanan Iskandar Shah di negeri Perak. Banyak peristiwaperistiwa yang berlaku di istana dan juga di luar istana. Selain itu, menerusi sistem pemerintahan dalam masyarakat Melayu, raja merupakan tonggak utama kepada hal-hal berkaitan keamanan negara, kesejahteraan rakyat dan kedaulatan bangsa, agama dan negara. Raja turut memainkan peranan penting dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam supaya dapat menjadi satu contoh kepada setiap rakyatnya. Berhubungan dengan perkara ini, dapat dilihat menerusi kenyataan yang diberikan oleh Siti Fairuz, Arba'ie Sujud, Nik Rafidah dan Halimah Hassan dalam kertas kerja yang bertajuk "Peranan Raja dalam Misa Melayu" yang menyatakan bahawa:

"Raja dipercayai sebagai 'khalifah' dan berperanan memberi perlindungan kepada manusia di bumi dan

merupakan orang yang terpilih kerana mempunyai kelebihan berbanding rakyat biasa yang dianugerahkan oleh Allah” (2011: 373).

Justeru, berdasarkan kenyataan tersebut, dapat difahami bahawa raja berupaya menjadi tonggak utama dan memainkan peranan yang penting dalam membawa agama Islam terus berkembang ke pelosok dunia. Hal ini dapat ditambah lagi dengan tugas raja sebagai khalifah dalam membawa nilai-nilai Islam yang merangkumi segala aspek akidah, ibadah, akhlak yang berpegang kepada satu konsep utama iaitu Tauhid yakni mengEsakan Allah SWT. Oleh hal yang demikian, pengkaji ingin melihat nilai-nilai Islam yang diterapkan di dalam teks *Misa Melayu* yang disalurkan menerusi raja sebagai perbincangan utama.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti dan menganalisis nilai Islam dalam teks *Misa Melayu*.
2. Mengaplikasikan teori Takmilah dalam teks *Misa Melayu*.

METODOLOGI DAN LANDASAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan berasaskan kaedah analisis kandungan yang lebih menjurus kepada bidang sastera dan ia bersesuaian dengan kajian ini iaitu menganalisis nilai Islam yang diutarakan dalam teks *Misa Melayu* yang dikaji. Teks *Misa Melayu* akan dianalisis dengan menggunakan teori Takmilah. Pemilihan teori ini difikirkan sesuai bagi mencapai objektif kajian iaitu untuk menganalisis nilai Islam memandangkan teori Takmilah merupakan teori tempatan yang berpegang kepada suatu kepentingan iaitu Tauhid. Teori ini diperkenalkan oleh seorang tokoh sastera yang terkenal iaitu Shafie Abu Bakar (SAB) yang mengemukakan tujuh prinsip dalam teori ini. Tujuh prinsip tersebut ialah prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal (sempurna), prinsip kerasulan sebagai insan Kamil (sempurna), prinsip keislaman yang bersifat Akmal (sempurna), prinsip ilmu

dengan sastera yang bersifat Takamul (menyempurnakan), prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah (sempurna dan menyempurnakan), prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri (menyempurnakan) dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (sempurna) (Shafie Abu Bakar, 1996:27).

Dari segi falsafah Islam, Teori Takmilah mempunyai pertalian dengan tauhid kerana kesemua prinsip di dalam teori ini menggariskan hubungan manusia dengan Allah (Habl min Allah) yang bersifat vertical dan hubungan manusia dengan alam (Habl min al-Nas) yang bersifat Horizontal. Bersandarkan kepada ajaran dan pegangan ilmu Islam sebagai ad-Din, teori Takmilah mengarahkan kepada kesempurnaan hidup (Kamariah Kamarudin, 2011: 80). Sehubungan itu, teori Takmilah memperincikan hubungan pengkarya-karya-khalayak sejajar dengan pengkajian karya sastera dalam genre hikayat.

Prinsip pertama iaitu prinsip ketuhanan bersifat Kamal memperlihatkan keindahan sifat Allah S.W.T serta mampu memperteguh keimanan khalayak terhadap Pencipta. Prinsip ini memperlihatkan prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal iaitu sifat Kamal dan Jamal Allah S.W.T tercermin pada makhluk ciptaan-Nya. Allah S.W.T merupakan Tuhan Yang Maha Indah, Maha Sempurna, Maha Agung, Maha Berkuasa dan Maha Segala-segalanya. Sesebuah karya sastera itu perlu berasaskan kepada suatu kepentingan yang jelas memperlihatkan prinsip ketuhanan iaitu karya yang mempunyai falsafah Tauhid dan Allah yang bersifat Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Penelitian terhadap sifat Kamal dan Jamal ini diperlihatkan menerusi kewujudan manusia yang dibentuk oleh Allah SWT dengan sebaik-baik kejadian (Kamariah Kamarudin, 2011: 80).

Prinsip kedua ialah prinsip kerasulan sebagai insan Kamil pula dijelaskan tentang kerasulan yang merujuk kepada penghulu bagi umat Islam iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Prinsip ini mengambil contoh Rasulullah s.a.w. sebagai model insan al-Kamil kerana jiwanya yang paling dekat dengan Allah S.W.T (Maniyamin bin Haji Ibrahim, 2005: 29). Menerusi falsafah pemikiran Islam, terdapat

tiga konsep ideal keinsanan iaitu insan Kamil, insan Khalifah dan insan Rabbani. Insan khalifah merujuk kepada kemampuan insan menjadi pemimpin di bumi Allah. Kedua ialah insan Rabbani yang merujuk kepada pengabdian diri dan rohani manusia kepada Allah SWT dengan khushyuk. Manakala, insan Kamil pula merujuk kepada gabungan antara insan Khalifah dan insan Rabbani kerana insan Kamil berupaya menampilkan akhlak yang murni dan merupakan kemuncak tahap kedudukan manusia di atas muka bumi (Kamariah Kamarudin, 2011: 82-83).

Prinsip ketiga iaitu prinsip keislaman yang bersifat Akmal berupaya mentakmilahkan akidah manusia berasaskan syariat Islam. Akmalnya Islam dapat dilihat berdasarkan kepada peranannya yang membawa umat Islam supaya sentiasa mendapat keseimbangan (keharmonian) antara jasmani dan rohani. Menurut Shafie Abu Bakar (1996: 29) menyatakan bahawa Islam sebagai agama yang sempurna adalah melengkapkan dari berbagai-bagai aspek termasuklah sastera yang memupuk budaya masyarakat umumnya. Sastera juga merupakan satu aspek kehidupan yang membantu melengkapkan Islam sebagai agama yang syumul (Kamariah Kamarudin, 2011: 84).

Prinsip keempat pula ialah prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul memperlihatkan hubungan sastera dengan ilmu yang mempunyai pertalian dengan fakulti diri yang penting, khususnya akal dan hati (Shafie Abu Bakar, 1996: 29). Manakala hati pula ialah saluran ke arah keilmuan bersifat rohani yang dikenali sebagai makrifat (Shafie Abu Bakar, 1996:29). Di samping itu, prinsip ini membawa suatu konsep sastera yang dapat menyempurnakan ilmu-ilmu lain seperti ilmu psikologi (ilmu jiwa), geografi (ilmu alam) dan sejarah Islam.

Prinsip kelima yang digariskan dalam teori Takmilah ialah prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah. Prinsip ini melihat hubungan Takmilah dengan karya yang membahaskan peningkatan mutu sesebuah karya sama ada dari aspek lahiriah atau maknawi. Lahiri bermaksud luaran dan maknawi pula bermaksud dalaman. Aspek keindahan lahiriah atau luaran menyentuh soal teknik, bentuk visual, struktur, plot, watak, diksi,

nada, stilistika, rima, ritma, matra, suku kata, asonansi, bahasa, literasi dan sebagainya yang dapat dilihat dengan jelas. Manakala aspek keindahan maknawi yakni keindahan dalaman pula merujuk kepada mesej, falsafah pemikiran, isi, tema, idea, nilai, simbol, metafora, alegori, simile, personifikasi, citra dan sudut pandangan, semua ini merupakan elemen-elemen dalam membina sesebuah karya sastera, baik prosa mahupun puisi (Shafie Abu Bakar, 1996: 30).

Prinsip keenam ialah prinsip pengkarya mengistimakan diri yang memfokuskan pada pengkarya sebagai memenuhi tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Salah satu dakwah yang boleh digunakan oleh manusia ialah karya sastera yang memuatkan segala bentuk falsafah pemikiran yang bertunjangkan keislaman. Oleh itu, pengkarya mestilah seorang yang berilmu dan menguasai ilmu-ilmu Islam dan ilmu-ilmu yang berhubungan dengan sastera (Shafie Abu Bakar, 1996: 30). Seseorang penulis Muslim yang ingin menghasilkan karya berunsur Islam seharusnya merupakan seorang yang arif dalam keilmuan Islam bukan sekadar ilmu asas (Rukun Islam dan Rukun Iman) tetapi harus mempraktikkan ilmu-ilmu itu dalam kehidupan sehariannya (Kamariah Kamarudin, 2011: 95-96)

Prinsip terakhir iaitu prinsip khalayak bagi memupuk mereka ke arah insan al-Kamil. Prinsip ini melihat tujuan akhir penciptaan karya sebagaimana sastera Islam yang harus bersifat pendidikan, berdakwah dan dapat meningkatkan ketauhidan diri pembaca kepada pencipta-Nya iaitu Allah S.W.T Yang Esa. Oleh itu, pengkarya harus menonjolkan kebesaran, kekuasaan, dan kesempurnaan Allah dalam karya mereka (Maniyamin bin Haji Ibrahim, 2005:34). Selain itu, khalayak dalam konteks teori Takmilah (sempurna) merupakan sambutan pembaca atau pengkaji terhadap sesebuah karya sastera yang dikemukakan oleh seseorang penulis dengan nilai-nilai kebaikan yang mengarahkan kepada keinsafan (Kamariah Kamarudin, 2011: 98). Justeru, berdasarkan kesemua prinsip dalam teori Takmilah, relevannya memilih teori ini adalah untuk membuktikan bahawa sememangnya terdapat nilai Islam yang diutarakan oleh Raja Chulan memandangkan teori ini

bersandarkan kepada Islam dari semua aspek kehidupan. Selain itu, dengan adanya teori ini dapat membuktikan sama ada teks Misa Melayu yang dihasilkan oleh Raja Chulan ini merupakan karya Islam atau sebaliknya dengan membuktikan kesemua prinsip ditemui dalam analisis kajian.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Nilai Islam yang dilahirkan dari tingkah laku manusia dapat dilihat menerusi aspek ibadah, akidah dan akhlak yang merupakan nilai yang paling penting dalam kerangka hidup seseorang manusia yang beragama Islam kerana ianya menentukan tahap keimanan kepada pencipta. Menurut PT Ichtiar Baru Van Hoeve dalam Ensiklopedia Tematis Dunia Islam menyatakan bahawa “Akidah secara harafiah bererti sesuatu yang terbhul atau tersimpul secara erat atau kuat (2002: 1)”. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. pula dalam Tesaurus Melayu Moden Utusan menyatakan akidah bermaksud “ad-din, iktikad, agama, kepercayaan, keyakinan, iman, pegangan, anutan” (1994: 5). Menerusi kenyataan yang diberikan di atas dapatlah disimpulkan bahawa akidah merupakan satu pegangan yang dimiliki oleh umat yang beragama Islam tentang keesaan Allah S.W.T.

Ibadah pula merupakan perkataan Arab yang bermaksud pengabdian, penyembahan, ketaatan, menghinakan/merendahkan diri dan doa, iaitu perbuatan yang dilakukan sebagai usaha menghubungkan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT sebagai Tuhan yang disembah (Ensiklopedia Hukum Islam (Jilid 2), 1996: 592). Justeru, dapat diringkaskan bahawa ibadah merupakan satu aktiviti manusia untuk mengukuhkan lagi keimana kepada Allah SWT dan menuju keredaan-Nya. Manakala, akhlak menurut *Kamus Dewan* (Edisi Keempat) pula ialah budi pekerti, kelakuan dan tabiat Justeru, akhlak merupakan sifat manusia yang menunjukkan nilanilai yang baik yang selaras dengan agama Islam. Oleh hal yang demikian, menerusi analisis kajian telah menemui beberapa nilai

107

Islam merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak yang telah diterapkan di dalam teks *Misa Melayu* iaitu:

- 1) Beriman kepada Qada dan Qadar
- 2) Solat
- 3) Berdoa
- 4) Khutbah
- 5) Suka menderma
- 6) Menghormati orang yang lebih tua
- 7) Adil

Beriman Kepada Qada dan Qadar

Islam mensyariatkan sesuatu untuk manusia sentiasa mengingati dan berpegang teguh kepada pencipta-Nya. Setiap perkara yang berlaku merupakan takdir Allah SWT untuk memberi yang terbaik kepada hamba-Nya. Menurut Abdul Basit Abd. Rahman dalam Keindahan Islam pula menyatakan bahawa Qada' ialah sesuatu yang berlaku sebagaimana yang ditakdirkan Allah S.W.T atasnya manakala Qadar pula ialah takdir Allah S.W.T atas semua yang wujud, mengikut ilmu-Nya serta bertepatan dan selaras dengan hikmat-Nya (2012: 61). Justeru, dapat difahami bahawa qada' dan Qadar merupakan takdir Allah yang telah ditetapkan untuk manusia dalam kehidupan di muka bumi ini untuk terus menjadi hamba yang sabar dan bersyukur. Menerusi teks *Misa Melayu*, perihal tentang qada' dan qadar turut diungkapkan menerusi petikan berikut:

“Hatta maka antara sebulan lama selangnya, maka baginda pun telah datanglah sudah takdir Allah Taala; maka baginda pun geringlah terlalu sangat beratnya. Maka beberapa tabib mengubati baginda itu serta berbuat ubatnya, maka tiada juga baginda itu afiat daripada gering itu, makin bertambah-tambah jua geringnya baginda itu” (*Misa Melayu*, 1968: 45).

Berdasarkan kepada petikan di atas, dapat dilihat bahawa Sultan Muzaffar Syah diberi sedikit ujian dari Allah SWT iaitu sakit. Allah menguji manusia dalam pelbagai bentuk supaya manusia sentiasa mengingati-Nya dan sentiasa reda dengan setiap yang berlaku di dalam kehidupan kerana setiap musibah atau ujian yang diberikan merupakan takdir yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Namun begitu, setiap qada' dan qadar Allah akan berubah dengan keizinan-Nya. Hal ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa Allah SWT yang memberikan penyakit dan Allah SWT jualah yang akan menyembuhkannya. Hal ini juga telah menunjukkan bahawa Allah SWT lebih berkuasa dari segala-galanya. Segala yang telah ditetapkan akan berlaku tanpa ada halangan walau sedikit dan dapat dibuktikan menerusi ayat al-Quran di dalam surah Yaasin ayat 82 yang bermaksud:

“Sesungguhnya urusan-Nya apabila Dia menghendaki sesuatu adalah berkata kepadanya: “Jadilah! Maka terjadilah ia.” (Surah Yaasin: 445)

Berdasarkan kepada contoh petikan tersebut yang memperlihatkan nilai Islam dari aspek akidah iaitu qada' dan qadar Allah S.W.T, pengarang telah memenuhi teori Takmilah yang pertama iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal. Nilai ini dikatakan memenuhi prinsip yang pertama dalam teori Takmilah kerana telah memperlihatkan sifat Kamal dan Jamal Allah menerusi kekuasaan-Nya yang menurunkan segala musibah, ujian dan bencana kepada umat-Nya. Qada' dan Qadar yang ditentukan ini mampu menguji tahap kesabaran seseorang manusia dalam perjalanan mengukuhkan ketakwaan kepada penciptanya. Justeru itu, nilai tentang qada' dan qadar ini telah memperlihatkan kekuasaan dan kebesaran yang ada pada Allah S.W.T yang bersifat Kamal dan Jamal dan selari dengan prinsip pertama dalam teori Takmilah. Qada' dan Qadar Allah yang diberi ujian atau musibah kepada Allah berupaya membawa satu akhlak yang baik dalam diri seseorang manusia iaitu perihal sifat sabar.

Solat

Solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah dan wajib dilakukan oleh manusia yang beragama Islam. Solat mempunyai lima waktu yang terdiri daripada Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh yang kesemuanya berjumlah 17 rakaat. Hal ini dibuktikan lagi dengan kenyataan yang diberikan oleh Haron Din iaitu “Islam sebagai agama yang tulen menjadikan sembahyang satu daripada rukun Islam yang lima dengan diwajibkan ke atas tiap-tiap penganutnya Muslim dan Muslimat supaya mendirikan sembahyang lima waktu sehari semalam, hingga kanak-kanak diwajibkan ke atas tiap-tiap penjaganya supaya menyuruhnya sembahyang sejak usianya meningkat tujuh tahun dan mewajibkan penjaga-penjaga memukulnya jika kanak-kanak itu berdegil atau malas setelah usianya sepuluh tahun (Manusia dan Islam, 2010: 179). Melihat kepada kepentingan solat di dalam Islam, pengarang turut mengungkapkan tentang kewajipan solat bagi semua golongan yang beragama Islam tidak mengira taraf atau pangkat. Perihal tentang solat ini dapat dilihat menerusi petikan tersebut:

“Setelah sudah baginda masuk ke dalam masjid, maka sembahyanglah sekaliannya; barang yang dititahkan menjadi imam naiklah ia dan barang yang dititahkan menjadi khatib pun naiklah membaca khutbah. Setelah sudah sembahyang, baginda pun balik naik ke atas gajah lalu berarak kembali ke istana lalu ke balai

(*Misa Melayu*, 1968: 72)

Berdasarkan kepada petikan di atas, dapat dilihat bahawa pengarang memperlihatkan tentang kewajipan solat yang perlu dilaksanakan bagi semua golongan yang beragama Islam. Petikan di atas menggambarkan tentang Sultan Iskandar Syah yang menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang muslim dengan menunaikan sembahyang di dalam masjid yang diketahui umum

bahawa masjid merupakan rumah Allah SWT. Selain itu, ini juga dapat dilihat dalam petikan yang seterusnya iaitu:

“Setelah sudah berlimau, maka sekaliannya berhimpun ke balai, kerana baginda pagi-pagi itu sembahyang di balai dahulu. Setelah sudah berjemaah dengan imam pegawai-pegawai, maka baginda pun mengurniai ayapan akan segala orang yang di balai itu

(Misa Melayu, 1968: 72)

Berdasarkan kepada petikan di atas pula menunjukkan bahawa Sultan Iskandar Syah solat berjemaah bersama-sama dengan pegawai-pegawainya. Hal ini menunjukkan kepada kita bahawa sembahyang berjemaah amatlah dituntut di dalam agama Islam kerana manusia beroleh pahala darinya yang berlipatganda oleh Allah SWT. Hal ini dibuktikan lagi di dalam Ensiklopedia Solat yang menyatakan bahawa solat berjemaah akan diberi pahala atau darjatnya 27 kali ganda daripada solat bersendirian (2016: 211). Oleh hal yang demikian, dapat difahami bahawa raja memainkan peranan yang utama untuk memeprihatkan nilai-nilai Islam dari aspek solat iaitu solat berjemaah dan sama-sama mengajak rakyatnya untuk memperoleh pahala dari Allah SWT. Menerusi rukun Islam yang kedua yang mewajibkan setiap manusia supaya menunaikan solat lima waktu iaitu Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Hal ini juga turut diungkapkan dalam teks Misa Melayu seperti petikan berikut:

“Adapun pada zaman Sultan Iskandar itu memakai tiga saat tiga tempat semayam. Maka pagi-pagi lepas sembahyang subuh baginda semayam di balai lepu dan dihadap sekalian hamba yang karib-karib dan segala budak-budak sampai toleh tenggala.* Maka baginda pun berangkat naik semayam di sayap lalu baginda santap. Setelah sampai tengah hari, maka baginda pun semayam di balairung dihadap segala dayang-dayang

dan kundangan. Maka sampailah waktu lohor* lalu baginda sembahyang”

(*Misa Melayu*, 1968: 92).

Berdasarkan kepada petikan tersebut pula memperlihatkan waktu-waktu solat yang diutarakan oleh pengarang antaranya ialah solat yang dilakukan oleh Sultan Iskandar Syah ialah Subuh dan Zohor yang masing-masing mempunyai dua rakaat dan empat rakaat. Oleh hal yang demikian, solat merupakan nilai dalam Islam yang menjadi satu ibadat wajib dan perlu diikuti dan dilakukan oleh manusia yang beragama Islam. Nilai Islam yang dipaparkan menerusi solat ini bertepatan dengan teori Takmilah yang ketiga iaitu prinsip keislaman yang bersifat Akmal dan prinsip keenam iaitu prinsip pengkarya yang mengistimkalkan diri. Akmalnya Islam dapat dilihat daripada ibadat yang dilakukan oleh umat Islam. Hal ini demikian kerana, akmalnya Islam bertunjangkan kepada falsafah tauhid iaitu bersandarkan kepada konsep keimanan yang memperlihatkan praktik amalan dengan mematuhi segala suruhanNya dan mematuhi segala syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Oleh hal yang demikian, nilai Islam tentang solat ini merupakan tunjang syariat yang memperlihatkan kesyumulan Islam yang bersifat Akmal sepertimana yang digariskan dalam prinsip ketiga teori Takmilah.

Prinsip keenam pula dapat dikatakan selaras dengan nilai Islam tentang solat ini apabila pengarang iaitu Raja Chulan yang sudah mempersiapkan dirinya untuk berbakti kepada Allah SWT menerusi penghasilan karya yang berupaya menanam rasa keimanan dan ketakwaan dalam khalayak pembaca kepada Allah SWT. Hal ini demikian kerana, pengarang memasukkan unsur-unsur Islam yang telah dilakukan oleh raja-raja pada zaman dahulu sebagai asas utama untuk mengukuhkan tentang tahap keimanan yang ada pada diri raja-raja pada zaman pemerintahan kerajaan Melayu di Perak sekali gus dapat membawa khalayak pembaca untuk sama-sama menunaikan kewajipan syariat yang digariskan dalam Islam.

Berdoa

Doa merupakan senjata orang mukmin. Allah SWT menyukai hamba-Nya yang suka berdoa kepada-Nya. Hal ini demikian kerana, manusia yang beriman akan sentiasa berdoa kepada Allah SWT. Setiap ujian atau rintangan yang dilalui oleh manusia di atas muka bumi ini merupakan ujian yang diberikan oleh Allah SWT untuk meningkatkan tahap keimanan dalam diri. Hal ini demikian kerana, manusia yang diuji itu akan mencuba untuk berusaha dan berikhtiar sebaik mungkin untuk melalui dan menghadapi ujian yang diberikan iaitu dengan berdoa kepada Allah SWT. Perihal tentang doa turut ditegaskan dalam al-Quran menerusi surah al-Baqarah ayat 186 yang bermaksud:

“Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahawasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepada-Ku, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran.”

(Al-Baqarah: 28)

Berdasarkan ayat al-Quran tersebut, dapat dijelaskan bahawa Allah Maha Mendengar segala doa dari hamba-Nya yang soleh. Setiap kesusahan yang dialami hanyalah dapat diatasi dengan bantuan Allah SWT kerana Dialah Yang Maha Berkuasa. Namun, manusia perlu sentiasa beriman kepada-Nya dan sentiasa berdoa meminta pertolongan dan perlindungan walau dalam keadaan susah mahupun senang. Perihal tentang doa dapat dilihat di dalam petikan yang berikut iaitu:

“Maka Raja Muda pun berkaul kepada Sayid Abdul Kadir Jailani persembahn seratus rial meminta doakan baginda itu afiatnya. Maka antara beberapa hari gering

baginda itu dengan tolong Allah dan rasul-Nya, kerana beberapa banyak doa seisi negeri itu memohonkan kepada Allah dan rasul tambahan pula dengan daulat Duli Yang Maha Mulia itu lagi berdiri, maka gering baginda itu pun sembuhlah dengan kurnia Allah Taala serta syafaat Nabi salla Ilahu alaihi wassalam

(Misa Melayu, 1968: 98)

Berdasarkan kepada petikan di atas, dapat dilihat bahawa Sultan Iskandar Syah ditimpa musibah iaitu sakit dan ini merupakan ujian dari Allah SWT untuk menguji tahap keimanan di dalam diri hambanya. Namun begitu, dengan berkat doa rakyat dan golongangolongan yang beriman, Allah Maha Mendengar dan memberikan kembali kesihatan baginda. Justeru, hal ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT mempunyai sifat Maha Mendengar dan Maha Penyembuh. Dengan itu, doa merupakan satu nilai di dalam Islam yang sangat penting diamalkan oleh umat Islam kerana dengan doa ini berupaya mengukuhkan keimanan kepada Allah SWT iaitu Pencipta alam semesta.

Nilai tentang doa ini dapat dikatakan selaras dengan prinsip pertama dalam teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal. Kamalnya Allah dapat dilihat menerusi sifat Allah Yang Maha Mendengar dan Maha Penyembuh. Hal ini demikian kerana, Allah SWT akan memakbulkan segala hamba-Nya yang sentiasa beriman dan mengingati-nya. Justeru, dengan berdoa inilah yang akan menguatkan iman seseorang hamba kepada Allah SWT untuk terus melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Selain itu, nilai ini juga turut memperlihatkan prinsip kelima dalam teori Takmilah iaitu prinsip sastera bercirikan estetik dan bersifat Takmilah. Menerusi aspek lahir, pengarang telah menggunakan diksi-diksi Arab seperti Allah Taala dan salla Ilahu alaihi wassalam yang memperlihatkan keindahan luaran pada karya tersebut manakala dari aspek maknawi pula secara tidak langsung pengarang telah menyentuh tentang doa yang merupakan senjata

mukmin untuk menjadi insan yang berguna dan hamba yang soleh dan solehah kepada Allah SWT.

Prinsip ketujuh iaitu prinsip khalayak bagi memupuk mereka ke arah insan al-Kamil turut selari dengan nilai tentang doa ini. Hal ini demikian, tujuan karya ini dihasilkan adalah bertujuan untuk meningkatkan ketauhidan diri pembaca kepada pencipta iaitu Allah SWT. Menerusi nilai ini, pengarang sekaligus memperlihatkan kebesaran, keagungan, kehebatan dan kesempurnaan Allah melalui sifatnya Yang Maha Penyembuh dan Maha Mendengar. Oleh hal yang demikian, ini berupaya meninggalkan satu kesan positif dalam diri pembaca untuk terus meningkatkan keimanan dalam diri dengan melakukan segala suruhan-Nya dan sentiasa memohon pertolongan darinya untuk segala ujian dan musibah di dalam kehidupan.

Khutbah

Khutbah merupakan satu ceramah atau satu kegiatan dakwah yang menggunakan ajaran agama Islam untuk mengajak manusia dalam meningkatkan tahap keimanan dalam diri kepada Allah SWT. Menerusi agama Islam, khutbah dapat dibahagikan kepada beberapa jenis antaranya khutbah Jumaat, khutbah aidilfitri, khutbah aidiladha dan sebagainya. Menerusi teks Misa Melayu, analisis menemui perihal tentang khutbah di dalam petikan berikut:

“Setelah sudah baginda masuk ke dalam masjid, maka sembahyanglah sekaliannya; barang yang dititahkan menjadi imam naiklah ia dan barang yang dititahkan menjadi khatib pun naiklah membaca khutbah. Setelah sudah sembahyang, baginda pun balik naik ke atas gajah lalu berarak kembali ke istana lalu ke balai

(Misa Melayu, 1968: 72)

Berdasarkan kepada petikan di atas, dapat difahami bahawa Sultan Iskandar Syah telah melakukan solat di masjid bersama

imam dan khatib. Hal ini dijelaskan bahawa khutbah yang dimaksudkan ialah khutbah Jumaat. Khatib merupakan orang yang akan menyampaikan khutbah Jumaat yang merupakan seseorang yang berpengetahuan luas mengenai agama Islam. Berdasarkan kepada nilai ini, dapat dikatakan bahawa ianya bertepatan dengan prinsip ketiga dalam teori Takmilah iaitu prinsip Islam yang bersifat Akmal. Akmalnya Islam di sini dapat dilihat menerusi khutbah yang terkandung nilai-nilai yang baik tentang Islam yang berupaya membawa keseimbangan antara rohani dan jasmani dalam diri setiap manusia. Hal ini demikian, nilai yang terkandung di dalam khutbah berupaya membawa manusia ke arah ketetapan dan kekuatan Iman di dalam hati terhadap Allah SWT. Justeru, Akmalnya Islam apabila ianya berusaha membawa manusia semakin dekat dengan Allah SWT dengan mempraktikkan segala apa yang didengar hasil dari khutbah yang diberikan oleh khatib.

Sedekah

Allah menjadikan seseorang manusia itu berbeza-beza berdasarkan pangkat dan rezeki. Ada manusia yang dianugerahkan Allah SWT rezeki yang melimpah ruah dan ada yang diberikan rezeki hanya sekadar cukup untuk makan. Justeru, Islam itu indah kerana menggariskan bahawa sifat suka menderma sangat disukai oleh Allah SWT. Hal ini demikian, Islam mengajar umatnya untuk membantu manusia yang susah kerana Allah akan memberikan ganjaran pahala yang berlipat kali ganda. Hal ini turut dibuktikan menerusi petikan ayat al-Quran di dalam surah Saba ayat 39 yang bermaksud:

“Katakanlah; ‘Sesungguhnya Tuhanku melapangkan rezeki pada siapa yang dikehendaki-Nya diantara hamba-hamba-Nya, dan Allah menyempitkan rezeki pada orang yang dikehendaki-Nya. dan apapun yang kamu infakkan atas rezeki yang diberikan Allah, maka Allah menggantikannya kembali dan Allahlah sebaikbaik pemberi rezeki.’” (Surah *Saba'*: 432)

Berdasarkan kepada petikan ayat tersebut, jelas membuktikan bahawa sesiapa yang suka menderma akan diberi ganjaran pahala dan Allah akan menggantikan kembali setiap rezeki yang disedekahkan. Hal ini membuktikan bahawa Allah bersifat pemurah dan Maha pemberi Rezeki. Perihal tentang sedekah ini dapat dilihat di dalam petikan berikut iaitu:

“Setelah sudah mengaji khatam, maka baginda pun dikurniai sedekah akan segala imam dan khatib dan bilal dan fakir miskin beberapa ratus rial dan beberapa puluh kayu kain disedekahkan baginda pada masa itu. Setelah sudah diterima sedekah sekaliannya, maka dikurniai pula ayapan semuanya”

(Misa Melayu, 1968: 99).

Menerusi petikan di atas, pengarang memperlihatkan tentang sikap dermawan yang dimiliki oleh Sultan Iskandar Syah yang sangat suka bersedekah. Setiap raja memainkan peranan yang sangat penting dalam memperlihatkan akhlak-akhlak baik untuk menjadi teladan dan ikutan bagi rakyatnya. Antara akhlak yang perlu ada pada setiap raja ialah perlu mempunyai sikap yang dermawan dan membahagikan hartanya kepada yang lebih memerlukan kerana Allah SWT telah menjadikan mereka golongan yang berharta dan menjadi pemimpin untuk menjaga negara. Oleh hal yang demikian, setiap raja perlulah mempunyai akhlak yang baik supaya hidupnya sentiasa diredai dan dirahmati oleh Allah SWT serta disayangi oleh rakyatnya.

Menerusi nilai suka menderma ini, dapat dijelaskan bahawa pengarang telah memenuhi prinsip yang kedua dalam teori Takmilah yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar iaitu prinsip kerasulan insan al Kamil. Sudah sedia maklum bahawa dalam prinsip kedua yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar, Nabi Muhammad s.a.w. diambil sebagai model kerana jiwanya yang paling dekat dengan Allah S.W.T. Hal ini jelas apabila Nabi

Muhammad mempunyai akhlaknya yang sangat baik dan sebagai pemimpin, baginda sangat menjaga kebajikan rakyatnya dan ini terserlah menerusi sifatnya yang suka membahagikan hartanya kepada sesiapa yang memerlukan. Dengan itu, dapat dikatakan bahawa prinsip ini amat bersesuaian dengan prinsip kedua dalam teori Takmilah yang memperlihatkan sifat Rabbani, Khalifah dan Kamil pada Nabi Muhammad s.a.w. menerusi contoh-contoh yang diperlihatkan.

Menghormati orang yang lebih tua

Saling hormat-menghormati ini merupakan sifat mahmudah atau sifat terpuji di dalam Islam. Akhlak ini sangat dituntut di dalam agama Islam kerana berupaya mewujudkan suasana yang harmoni di samping mengukuhkan hubungan silaturrahim sesama Islam. Selain itu, hubungan kekeluargaan menjadi lebih rapat dan erat. Oleh hal yang demikian, ini jelas digariskan dalam Islam yang mementingkan nilai-nilai yang baik bagi memberi satu faedah dan kebaikan dalam kehidupan masyarakat. Perihal tentang sikap saling menghormati terutamanya hormat pada golongan yang lebih tua ini turut diutarakan di dalam teks *Misa Melayu* seperti berikut:

“Maka sekarang ini apalah sudahnya negeri sebuah, raja dua? Kepada hati beta hendaklah kita persilakan Sultan Muzaffar Syah itu kembali ke istananya ke berahman Indera, supaya kerajaan kepada baginda itu; biarlah beta berhenti, kerana baginda itu saudara yang tua kepada beta, tidaklah datang hati beta hendak melebihi daripada baginda itu.”

(Misa Melayu, 1968: 20)

Berdasarkan kepada petikan tersebut, hal ini dapat dilihat bahawa pengarang telah menyelitkan nilai Islam tentang sikap menghormati golongan yang lebih tua. Petikan di atas memperihalkan tentang sikap seorang adik iaitu Sultan Muhammad

Syah yang ingin menyerahkan takhta kerajaan kepada abangnya iaitu Sultan Muzaffar Syah kerana menganggap abangnya lebih berhak kerana lebih tua dan berpengalaman daripadanya. Justeru, di sini dapat dilihat satu sikap baik yang terdapat di dalam watak adik yang sangat menghormati abangnya dan ini menjadikan hubungan kekeluargaan bertambah erat.

Nilai ini seiring dengan prinsip kedua di dalam teori Takmilah iaitu prinsip kerasulan sebagai insan al-kamil. Hal ini demikian kerana, Nabi Muhammad merupakan insan yang menjadi kekasih Allah SWT kerana mempunyai sikap-sikap terpuji yang berupaya menjadi contoh dan teladan kepada umatnya yang antaranya ialah sikap saling hormat-menghormati antara satu sama lain yang telah digariskan dalam agama Islam. Selain itu, nilai tentang sikap menghormati golongan yang lebih tua ini turut bertepatan dengan prinsip keempat dalam teori Takmilah iaitu prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul yang memperlihatkan tentang ilmu pentadbiran atau ilmu tentang sistem pemerintahan beraja yang hanya memerlukan seorang sahaja raja pada sesebuah negeri. Oleh hal yang demikian, hal ini berupaya memberi satu ilmu kepada khalayak pembaca tentang kepentingan nilai saling menghormati golongan yang lebih tua supaya sistem pentadbiran beraja akan lebih teratur dan sempurna.

Adil

Sikap adil merupakan salah satu nilai positif yang perlu diterapkan dalam diri seorang manusia terutamanya dalam masyarakat yang beragama Islam. Hal ini dituntut di dalam Islam yang menyeru manusia terutamanya golongan pemimpin supaya bersikap adil dan saksama supaya kehidupan akan sentiasa dalam rahmah Allah SWT. Hal ini dibuktikan menerusi surah An-Nahl ayat 90 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kamu kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran

dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran.” *An-Nahl: 277*)

Berdasarkan kepada ayat al-Quran tersebut, dapat dijelaskan bahawa sikap adil amat dituntut di dalam Islam kerana berupaya mewujudkan satu keseimbangan akhlak di dalam masyarakat supaya tidak bersikap zalim dan menggunakan harta orang lain untuk kepentingan diri sendiri. Perihal tentang adil dapat dilihat dalam petikan berikut:

“Maka karallah Paduka Seri Sultan Alaudin Mansur Syah Iskandar Muda Khalifatur Rahim di atas takhta kerajaan melakukan dengan keadilan dan murahnya pada seisi negeri Perak ini lalu pada negeri yang lainlain pun kenamaan, masyhurlah kepada tiap-tiap kerajaan yang lain, dan daripada berkasih-kasihan kepada sahabat dan sahabat utusan...”

(Misa Melayu, 1968: 187)

Berdasarkan kepada petikan tersebut, dapat dilihat bahawa Sultan Alaudin Mansur Syah merupakan seorang pemimpin yang mempunyai sikap adil dan saksama dalam sistem pemerintahan di negerinya. Hal ini menunjukkan bahawa, sikap adil ini berupaya menjadikan suasana masyarakat yang harmoni dan rakyatnya saling hidup dalam keadaan yang baik kerana mempunyai pemimpin yang adil dan tidak menzalimi rakyatnya. Nilai ini selaras dengan prinsip kedua iaitu prinsip kerasulan sebagai insan al-kamil yang menjadi contoh umat Islam kerana jiwanya yang paling dekat dengan Allah SWT. Nabi Muhammad merupakan seorang pemimpin yang sangat adil dalam pentadbirannya dan baginda amat disayangi oleh Allah SWT. Oleh hal yang demikian, hal ini berupaya menjadi contoh kepada khalayak pembaca supaya menjadi khalifah yang Rabbani kepada Allah SWT.

KESIMPULAN

Pengarang yang bijak akan cuba mengolah pemikiran secara kritis dan kreatif berteraskan kepada nilai estetika yang terdapat dalam sastera itu sendiri. Hal ini merupakan satu kreativiti yang perlu dilakukan oleh pengarang dalam menghasilkan suatu karya yang dapat memberi sesuatu yang berguna kepada khalayak pembaca dari segi lahir mahupun maknawi. Hal ini telah membawa kepada penelitian terhadap karya-karya yang berunsur Islam untuk menyelidik serta mengkaji nilai Islam yang dilontarkan oleh pengarang serta penggunaan bentuk lahir sama ada ia berhasil membuah satu pemikiran yang benar-benar berguna untuk khalayak pembaca ataupun tidak. Keadaan ini telah membawa pengkaji untuk meneliti teks Misa Melayu yang telah dikarang oleh Raja Chulan pada abad ke-18 yang dikatakan seorang pengarang yang ulung pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Syah. Berdasarkan kepada kajian, pengkaji telah menemui nilai Islam yang utama bertunjangan kepada tiga aspek yang penting yang merujuk kepada keagamaan yang difokuskan kepada agama Islam iaitu sebuah agama yang syumul berbanding agama-agama lain. Aspek utama tersebut ialah aspek akidah, ibadat dan akhlak.

Dari aspek akidah yang merupakan pegangan umat Islam yang menjadi tunjang kepada tahap keimanan dan ketakwaan manusia terhadap Allah S.W.T, terdapat beberapa pemikiran yang telah ditemui oleh pengkaji. Antaranya ialah Qada' dan Qadar Allah S.W.T. Nilai Islam yang dilontarkan di bawah aspek akidah ini sangat berguna kepada khalayak pembaca untuk sama-sama menghayati dan menginsafi tentang kekuasaan, kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. Aspek lain yang turut ditemui ialah aspek ibadat iaitu nilai Islam tentang solat, doa dan khutbah manakala aspek akhlak pula telah menemui nilai Islam seperti menghormati golongan yang lebih tua, adil dan sedekah.

Nilai-nilai Islam yang dikaji ini turut dikukuhkan lagi dengan mengaplikasikan teori Takmilah yang diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar. Teori ini diterapkan dalam kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada teks Misa Melayu yang dihasilkan oleh

Raja Chulan ini merupakan teks yang terkandung unsur Islam ataupun tidak. Hal ini dapat dibuktikan apabila kesemua pemikiran yang dilontarkan oleh pengarang memenuhi kesemua tujuh prinsip yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan al-kamil, prinsip keislaman yang bersifat Akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pengkarya yang mengistimikan diri dan yang terakhir ialah prinsip sastera dan khalayak bertujuan untuk memupuk mereka ke arah insan al-Kamil.

Oleh yang demikian, hampir semua tema dan persoalan dalam teks *Misa Melayu* yang dikaji meliputi pelbagai aspek akidah, ibadat dan akhlak yang merangkumi rukun iman dan perkaraperkara yang menyentuh tentang ketauhidan kepada Allah S.W.T. Hal ini telah memperlihatkan kesedaran pengarang sebagai khalifah Allah S.W.T dalam membawa khalayak pembaca ke arah menjadi insan al-Kamil dan sentiasa bertakwa dan beriman kepada Allah S.W.T. Oleh yang demikian, hikayat secara hakikatnya merupakan satu cabang dakwah untuk menyebarkan ilmu yang berguna kepada khalayak pembaca untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Nilai-nilai Islam yang dilontarkan oleh pengarang ini telah membuktikan bahawa hikayat mampu menjadi manifestasi dalam mengungkapkan kebesaran, keagungan dan kekuasaan Allah S.W.T yang diadun dengan begitu indah sekali. Justeru, kajian yang melibatkan aspek akidah, ibadat dan akhlak Islam yang terungkap dalam pemikiran pengarang ini berkait secara langsung dengan kehidupan masyarakat dan kemasyarakatan sebagai umat Islam yang perlu mengikuti segala syariat yang digariskan dalam menetapkan keimanan kepada Allah S.W.T dan mempraktikkan dalam kehidupan dengan perilaku dan peribadi yang mahmudah dan begitu sesuai dengan pengaplikasian teori Takmilah yang bersandarkan kepada sastera Islam.

RUJUKAN

- Abdul Basit Abd. Rahman, (2012). *Keindahan Islam*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, (1994). *Tesaurus Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Haron Din. *Manusia dan Islam* Jilid Satu, (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamarudin et al., (2011). *Kelestarian Bahasa: Satu Rumpun Satu Ikatan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kamariah Kamarudin, (2011). *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maniyamin bin Haji Ibrahim, (2005). *Citra Takmilah Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Nakhaie Ahmad, (1998). *Di Bawah Naungan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Muamalat Islam Malaysia.
- Nik Yusri Musa, (2016). *Ensiklopedia Solat*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Pt. Ichtiar Baru Van Hoeve, (2002). *Ensiklopedia Tematis Dunia Islam*. Indonesia: Perpustakaan Nasional.
- Pt Ichtiar Baru Van Hoeve, (1996). *Ensiklopedia Hukum Islam* Jilid Dua, 1996. Indonesia. Perpsutakaan Nasional.
- Raja Chulan, (1968). *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Rasm Uthmani*, (2010). Terjemahan Bahasa Melayu Al-Qur'an Al Karim. Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Shafie Abu Bakar. "Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip" dlm. *Dewan Sastera*, November, hlm. 25-33, 1996.
- Kamus Dewan* Edisi Keempat, (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.